

13/04/1997

Ramai terkejut MB letak jawatan

Rasid Rahaman

KLANG: Ramai pemimpin di negeri ini terkejut dengan pengumuman peletakan jawatan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras, Datuk Saidin Thamby, berkata beliau hanya mengetahui perkara itu melalui berita di radio sewaktu dalam kereta.

"Saya dengar Muhammad meletak jawatan melalui radio. Saya tidak begitu pasti kerana sebelum ini tidak ada ura-ura Muhammad akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau yang juga bekas Exco Kerajaan Selangor berkata, sebagai rakan seperjuangan, sudah tentu beliau sedih kerana kehilangan seorang pemimpin berwibawa yang membawa banyak kemajuan kepada Selangor.

"Kini terpulanglah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantik pemimpin lain untuk menggantikan Muhammad," katanya.

Mengenai mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan selama dua hari mulai Isnin ini, Saidin berkata, persidangan boleh berjalan seperti biasa.

"Exco yang ada boleh membawa rang undang-undang jika perlu. Dijadualkan satu Rang Undang-Undang Bekalan Air akan dibentangkan pada persidangan kali ini," katanya.

Adun Dusun Tua, yang juga Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad berkata, tidak ada apa yang boleh diulas dengan peletakan jawatan Muhammad.

"Saya agak terkejut dan pada masa ini tidak begitu sesuai untuk saya mengulas lanjut," katanya.

Adun Sijanggang, yang juga Exco Kerajaan Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata beliau hanya mengetahui Muhammad meletakkan jawatan selepas dimaklumkan oleh seorang rakan.

"Saya minta maaf. Saya tidak boleh ulas sehingga saya mengetahui lebih lengkap dan jelas berhubung tindakan Muhammad meletakkan jawatan," katanya.

Sementara itu, Adun Ijok, K Sivalingam berkata, ramai pemimpin Umno, MIC dan MCA negeri ini, berkunjung ke kediaman rasmi Menteri Besar di Shah Alam untuk mengetahui perkara itu lebih lanjut.

Beliau berkata, ramai yang menangis kerana bersimpati dengan nasib Muhammad.

Bagaimanapun, katanya, Muhammad tidak menjelaskan kepada pemimpin terbabit kenapa beliau meletakkan jawatan.

"Muhammad hanya akan menjelaskan tindakannya meletak jawatan sebagai Menteri Besar, Isnin ini," katanya.

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Selangor, Teng Chang Khin, pula berkata tindakan Muhammad melengah-lengahkan peletakan jawatan hanya memburukkan lagi keadaan, khususnya kepada nama baik negeri dan negara.

Beliau berkata, sepatutnya Muhammad meletak jawatan selepas beliau ditahan kerana didakwa cuba membawa keluar wang tunai bernilai A\$1.2 juta (RM2.4 juta) dari Australia, 22 Disember lalu.

Sehubungan itu, katanya, DAP tidak akan membawa usul undi tidak percaya terhadap Muhammad pada persidangan Dewan Undangan Negeri, Isnin ini, kerana beliau sudah meletak jawatan.

Bekas anggota dewan itu, Dr Tan Seng Giaw dari DAP yang juga menganggotai Dewan Undangan Negeri bersama dengan Muhammad pada 1982 dan kemudian menjadi ketua pembangkang sehingga 1995, berkata:

"Kita tidak boleh menjadi hakim terhadap kes beliau, kita tidak boleh katakan dia bersalah kecuali mahkamah (memutuskannya)."

Sambil menyifatkan peletakan jawatan itu sebagai satu perkara "malang", beliau berkata, apa yang penting sekarang ialah sesama manusia tidak boleh menambahkan lagi masalah kepada kesusahan yang dihadapi manusia lain.

(END)